



ق ب ت پ ن ج ر ن گ  
**PBT Pengerang**



Tel : (07) - 886 2692 Faks : (07) - 886 2656 Laman Web : www.pbtpengerang.gov.my

( 59 ) dlm. PBTP/PPH/PC/5

17 April 2019

Presiden  
Majlis Peguam Malaysia (Bar Council)  
No. 15, Leboh Pasar Besar,  
City Centre, 50050 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

(u.p : Encik Abdul Fareed Bin Abdul Gafoor )

Tuan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI DASAR PERMOHONAN PINDAH MILIK PEGANGAN BERKADAR DI BAWAH SEKSYEN 160 (1), AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171) DALAM KAWASAN PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) Pengerang**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman pihak tuan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang melalui Mesyuarat Exco Bil. 07/2019 bertarikh 27 Mac 2019 telah memutuskan bahawa mulai tarikh 1 April 2019 semua permohonan berkenaan notis jualan atau pindah milik (Borang I) yang dibuat melalui syarikat guaman hanya perlu mengemukakan :-

- i) Surat iringan atau surat rasmi kepada pihak PBT Pengerang.
- ii) Borang I yang telah lengkap di penuh isi.

3. Dimaklumkan juga, kawasan yang terlibat dalam pentadbiran PBT Pengerang adalah :-

- i) Mukim Tanjung Surat
- ii) Mukim Pantai Timur
- iii) Mukim Pengerang
- iv) Mukim Johor Lama
- v) Mukim Sedili Kecil

4. Dengan ini, pihak PBT Pengerang berharap agar pemakluman secara rasmi tentang syarat-syarat baru permohonan pindah milik pegangan berkadar di bawah Seksyen 160 (1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di atas dapat dimaklumkan kepada semua syarikat guaman yang berdaftar dengan Jawatankuasa Peguam Malaysia.



NO. 7, JALAN KEMPAS 1, TAMAN DESARU UTAMA, 81930 BANDAR PENAWAR, JOHORE BARU, JOHORE NEGERI


ACKNOWLEDGE RECEIPT  
14 MAY 2019  
a.m./p.m. 10:15  
Hon. Secretary  
JOHORE BAR COMMITTEE  
BY POST / HAND / COURIER / REGISTERED / FAX

5. Segala pertanyaan bolehlah pihak tuan hubungi Puan Norsyazana Binti Mohd Shafiee di talian 07-886 2629 dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Kerjasama dari pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(HAJAH HAZLINA BINTI JALIL)  
Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang

s/k :

1. Pengerusi  
Badan Peguam Negeri Johor  
No. 5, Jalan Tun Abdul Razak Susur 1/1,  
Wadi Hana, 80000 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim.  
(u.p : Roger Lo Ming)